



10 SEP, 2025

Penstrukturan tarif elektrik beri lebihan tampung belanja dapur

Berita Harian, Malaysia



Penstrukturan tarif elektrik beri lebihan tampung belanja dapur



Oleh Dr Mohd Khairi Ismail
bhrencana@bh.com.my

Penstrukturan tarif elektrik yang dilaksanakan baru-baru ini bertujuan memastikan sistem subsidi penggunaan tenaga lebih adil, tepat sasaran dan mampu bertahan untuk jangka masa panjang.

Langkah ini dilakukan kerana kos tenaga global yang berubah-ubah, sekali gus memberi kesan kepada kewangan negara. Dengan penstrukturan tarif, kerajaan mahu memastikan bantuan benar-benar sampai kepada rakyat memerlukan, bukan kepada semua tanpa mengira tahap penggunaan.

Secara mudah, penstrukturan tarif bermaksud kerajaan mengubah cara kiraan bil elektrik. Ia seperti menyusun semula 'tangga harga'. Siapa guna sedikit, bayar rendah dan siapa guna lebih banyak, bayar ikut kadar sebenar. Ini dapat mengelakkan subsidi bocor kepada golongan berpendapatan tinggi yang menggunakan tenaga dalam jumlah besar.

Dari sudut isi rumah, golongan B40 dan M40 sederhana paling mendapat faedah. Keluarga dengan bil sekitar RM60-RM80 sebulan mungkin akan melihat jumlah bayaran sama atau lebih rendah. Sebaliknya, rumah dengan bil RM300 ke atas akan mula membayar lebih, kerana subsidi dikurangkan untuk penggunaan tinggi.

Bagi golongan berpendapatan rendah, penjimatan walaupun hanya RM10 hingga RM20 sebulan sudah cukup bermakna. Dalam setahun, jumlah itu ber-

samaan RM120-RM240, cukup untuk menampung belanja dapur, minyak masak atau barangan sekolah anak.

Kesan positif penstrukturan tarif juga dapat dilihat kepada ekonomi tempatan. Apabila isi rumah menjimatkan sedikit daripada bil elektrik, lebihan wang akan dibelanjakan membeli barang keperluan harian atau membayar perkhidmatan tempatan.

Ini memberi peluang kepada peniaga kecil untuk menambah pendapatan dan seterusnya menggerakkan ekonomi komuniti. Dengan kata lain, penjimatan pada peringkat isi rumah akhirnya berbalik kepada keuntungan masyarakat setempat.

Didik pengguna lebih berhemah

Dari perspektif fiskal negara, langkah ini adalah contoh subsidi bersasar. Subsidi bersasar bermaksud hanya golongan layak menerima bantuan. Analogi mudah, dalam sebuah kenduri hanya tetamu dijemput patut menikmati hidangan, bukan semua lalu di tepi jalan.

Dengan cara ini, kerajaan dapat menjimatkan perbelanjaan, mengurangkan defisit dan menyalurkan dana kepada sektor penting lain seperti kesihatan, pendidikan dan pengangkutan awam.

Selain itu, struktur tarif ini juga mendidik pengguna untuk lebih berhemah. Apabila menyedari bil lebih tinggi jika menggunakan elektrik berlebihan, rakyat terdorong menjimatkan tenaga. Amalan ini bukan sahaja mengurangkan bil, tetapi mengurangkan pelepasan karbon dan membantu negara mencapai sasaran pembangunan lestari.

Dari sudut makroekonomi, penstrukturan tarif memberi kesan positif kepada inflasi. Jika tarif

naik terlalu tinggi tanpa kawalan, kos operasi kilang, kedai dan perkhidmatan turut meningkat. Akhirnya harga barang akan melonjak. Menerusi struktur tarif baharu, kenaikan harga barang dapat diminimumkan, sekali gus membantu kestabilan inflasi negara.

Bagi sektor tenaga pula, tarif adil membolehkan syarikat utiliti mengekalkan pendapatan mencukupi untuk menyelenggara infrastruktur dan melabur dalam tenaga baharu. Ia seumpama kutipan tol jalan raya, apabila kutipan seimbang, jalan dapat diselenggara dengan baik tanpa menekan pengguna miskin.

Bagaimanapun, cabaran tetap wujud. Kerajaan perlu memastikan subsidi tidak disalah guna, pada masa sama, bersedia menghadapi kemungkinan kos tenaga global lebih tinggi. Galakan kepada penggunaan tenaga boleh diperbaharui seperti solar, hidro dan angin menjadi penyelesaian jangka panjang yang mampan.

Apa yang penting, pengguna perlu memanfaatkan penjimatan elektrik melalui gaya hidup bijak tenaga. Jika setiap rumah mampu mengurangkan 10 peratus penggunaan elektrik, kesannya cukup besar, seolah-olah seluruh bandar kecil berjaya menurunkan bil elektrik serentak. Inilah matlamat utama penstrukturan tarif elektrik. Rakyat mendapat penjimatan, ekonomi lebih mampan dan negara berada di landasan betul untuk masa depan tenaga lebih lestari.

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH